

## Pemilik B40 nikmati kadar tetap

**Kadar RM15 bagi hak milik pajakan manakala RM20 bagi hak milik kekal**

KUALA LUMPUR

Pelaksanaan sistem cukai petak mulai 1 Januari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menyaksikan pemilik terutama golongan B40 menikmati kadar tetap RM15 setahun bagi hak milik pajakan dan RM20 setahun bagi pegangan hak milik kekal.

Ini melibatkan pemilik petak kediaman strata daripada skim kediaman kos rendah dan Program Perumahan Rakyat (PPR) tanpa mengira saiz keluasan petak.

Perkara itu diumumkan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Ab-

dul Samad di sini semalam.

Khalid berkata, bagi kediaman jenis pangsapuri mampu milik atau apartmen yang mempunyai saiz keluasan petak keseluruhan di bawah 96 meter persegi (1,030 kaki persegi) yang rata-rata dimiliki golongan M40 pula dikenakan cukai petak pada kadar minimum RM20 setahun bagi pegangan hak milik pajakan dan RM25 setahun bagi pegangan hak milik kekal.

"Kerajaan telah mengambil pertimbangan yang sewajarnya dalam pelaksanaan cukai petak ini dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan hasrat kerajaan melaksanakan peralihan cukai tanah kepada cukai petak tanpa meningkatkan kos sara hidup atau bebanan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan rekod di Pejabat Pengarah Tanah

**SISTEM CUKAI PETAK**

dan Galian Wilayah Persekutuan, terdapat lebih 70 peratus kediaman jenis pangsapuri mampu milik atau apartmen yang mempunyai saiz keluasan petak keseluruhan di bawah 1,030 kaki persegi atau 96 meter persegi.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi negeri keempat melaksanakan inisiatif peralihan cukai tanah kepada cukai petak ke atas hak milik strata selepas ia dilaksanakan di Selangor, Pulau Pinang dan Melaka.

Khalid berkata, pelaksanaan sistem cukai ini juga dilihat sebagai satu mekanisme pembetulan dan rasionalisasi kepada pengenaan cukai ke atas pembangunan strata yang lebih sistematik, telus dan adil kepada setiap pemilik petak strata.

Pewujudan akaun cukai petak secara individu kepada setiap pemilik petak juga akan membolehkan pemilik petak yang tiada

tunggakan meneruskan urusan niaga seperti pindah milik, pajakan dan gadaian tanpa sebarang halangan.

Dalam perkembangan lain pula Khalid berkata, setakat ini lebih 2,200 daripada lebih 5,000 pemilik tanah di Kampung Baru telah mengisi dan menghantar borang maklum balas berkaitan pelan pembangunan di kawasan

berkecuali.

Katanya, daripada jumlah tersebut sebanyak 95.3 peratus telah bersetuju dan menunggu peluang untuk menjualnya kepada kerajaan untuk tujuan pembangunan.

- Bernama

Khalid bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Pelaksanaan Cukai Petak Wilayah Persekutuan di Rumah Persekutuan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan semalam.

